

## TERMA DAN SYARAT

<b>Penganjur</b>	F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd. ( No. Pendaftaran 196201000082 (004594-A))
<b>Nama Peraduan</b>	Peraduan Magnolia Beli & Menang – Tabung Pendidikan (“Peraduan”)
<b>Tempoh Peraduan</b>	Peraduan bermula pada 00:00:00 pada 1 April 2026 dan berakhir pada 23:59:59 pada 31 Mei 2026 (“Tempoh Peraduan”). Penganjur berhak untuk mengubah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Peraduan tanpa notis terlebih dahulu.
<b>Kelayakan</b>	<p>Peraduan ini terbuka kepada semua penduduk individu yang sah di Malaysia yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Peraduan dan mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah dan alamat kediaman di Malaysia (“Peserta”).</p> <p>Kumpulan orang berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:</p> <p>a) Kakitangan Penganjur dan kumpulan syarikatnya serta ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, dan pasangan mereka);</p> <p>b) Kakitangan agensi, pembekal dan vendor Penganjur yang terlibat dengan Peraduan ini serta ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, dan pasangan mereka).</p>
<b>Kaedah Penyertaan</b>	<p><b>Penyertaan Melalui WhatsApp Sahaja</b></p> <p>1. Untuk menyertai Peraduan ini, Peserta mesti membeli produk F&amp;N Magnolia yang mengambil bahagian seperti yang disenaraikan di bawah (semua saiz pek) (“Produk”) dengan pembelian minimum sebanyak <b>RM10 (Ringgit Malaysia Sepuluh)</b> dalam satu bukti pembelian (“Bukti Pembelian”) dari mana-mana kedai fizikal (“Kedai”) dan/atau melalui pembelian dalam talian daripada peniaga dalam talian yang mengambil bahagian (“Kedai Dalam Talian”) di Malaysia sepanjang Tempoh Peraduan (“Syarat Pembelian Minimum”):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Magnolia Susu Pasteurised</li> <li>• Magnolia Susu UHT</li> <li>• Magnolia Susu Sterilised</li> </ul> <p><b>Bukti Pembelian Kedai :</b></p> <p>a) Bukti Pembelian mestilah dalam bentuk resit asal bercetak daripada sistem tempat jualan (point-of-sale systems) mana-mana Kedai. Resit tersebut mesti mengandungi nama dan/atau logo Kedai di mana pembelian dibuat. Bukti Pembelian tersebut perlu dicop dengan cop rasmi dari Kedai di mana pembelian dilakukan jika nama dan/atau logo Kedai tidak tersedia.</p> <p>b) Bukti Pembelian juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk dibeli, jumlah pembelian, nombor resit dan nama dan/atau logo Kedai (“Butiran Resit”).</p> <p><b>Bukti Pembelian Kedai Dalam Talian :</b> Kedai Dalam Talian yang menyertai adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• F&amp;N Life (<a href="https://my.fnlife.com">https://my.fnlife.com</a>);</li> <li>• F&amp;N Online Shopee Mall (<a href="https://shopee.com.my/fnonline.os">https://shopee.com.my/fnonline.os</a>); dan/atau F&amp;N LazMall Flagship Store (<a href="https://www.lazada.com.my/tag/f-n-official-store-malaysia/">https://www.lazada.com.my/tag/f-n-official-store-malaysia/</a>)</li> </ul>

- a) Bukti Pembelian hendaklah di dalam bentuk tangkapan skrin invois bagi pembelian dalam talian yang dibuat melalui mana-mana Kedai Dalam Talian. Bukti Pembelian mesti memaparkan nama dan/atau logo Kedai Dalam Talian di mana pembelian tersebut dibuat. Bagi pembelian dalam talian yang menggunakan kod promosi, rebat, baucar diskaun, baucar penghantaran, dan/atau sebarang potongan lain, jumlah akhir yang dibayar bagi Produk mesti memenuhi atau melebihi Syarat Pembelian Minimum.
  - b) Bukti Pembelian juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian, tarikh pembayaran, nombor pesanan dan/atau invois, serta nama dan/atau logo Kedai Dalam Talian ("Butiran Invois").
2. **Imbas kod QR** yang tertera pada bahan komunikasi di Kedai atau Kedai Dalam Talian atau hantarkan maklumat berikut ke **013-696 6511** melalui WhatsApp;
- a. Gambar Bukti Pembelian yang jelas dan boleh dibaca, menunjukkan Butiran Resit atau Butiran Invois secara lengkap
  - b. Nama Penuh
  - c. Nombor MyKad/MyPR  
(contoh; Gambar Bukti Pembelian, Arif Bin Ashraf, 8XXXXX-4X-6XXX)  
**("Penyertaan")**.
3. Mesej pengesahan balas automatik akan dihantar oleh Penganjur untuk Penyertaan WhatsApp pertama yang diterima daripada setiap nombor telefon bimbit sahaja.
4. Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan yang diterima untuk pemprosesan dan pengesahan selanjutnya. Semua Penyertaan yang diterima adalah tertakluk kepada semakan dan pengesahan Penganjur. Penganjur berhak untuk menolak, dan/atau membatalkan kelayakan mana-mana Penyertaan dengan gambar/imej yang tidak jelas, tidak boleh dibaca atau tidak lengkap, Bukti Pembelian yang dicetak semula, Bukti Pembelian yang berulang, Penyertaan yang mengandungi lebih daripada satu Bukti Pembelian, Penyertaan lewat (iaitu: Penyertaan diterima selepas 23:59:59, 31/05/2026) dan/atau Penyertaan yang telah diubah, dimodifikasi, atau dipalsukan dalam sebarang bentuk yang tidak memenuhi syarat Peraduan atas budi bicara mutlak tanpa sebarang notis.
5. Setiap Penyertaan yang memenuhi atau melebihi Syarat Pembelian Minimum serta mematuhi terma dan syarat Peraduan ini akan diiktiraf sebagai penyertaan layak ("Penyertaan Layak"). Nombor siri akan diperuntukkan secara automatik kepada setiap Penyertaan Layak yang diterima sepanjang Tempoh Peraduan secara turutan, berdasarkan jumlah pembelian. Bagi setiap RM10.00 pembelian Produk dalam satu Bukti Pembelian, **SATU (01)** nombor siri akan diperuntukkan kepada Penyertaan Layak tersebut. Contoh:
- a) Untuk setiap Bukti Pembelian yang menunjukkan pembelian Produk dengan jumlah melebihi **RM20.00, DUA (02)** nombor siri akan diberikan.
  - b) Untuk setiap Bukti Pembelian yang menunjukkan pembelian Produk dengan jumlah melebihi **RM30.00, TIGA (03)** nombor siri akan diberikan.
6. Peserta dibenarkan menghantar lebih daripada satu Penyertaan sepanjang Tempoh Peraduan, dengan syarat setiap Penyertaan menggunakan Bukti Pembelian yang berbeza dan mematuhi Terma dan Syarat ini.

	<p>7. Setiap Bukti Pembelian hanya layak untuk satu (1) penyertaan sahaja. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang penyertaan yang menggunakan Bukti Pembelian yang berulang/duplikasi.</p> <p>8. Penganjur tidak menerima sebarang pengubahsuaian pada Bukti Pembelian dalam apa jua bentuk. Resit tulisan tangan, pesanan pembelian dan/atau nota penghantaran tidak akan diterima sebagai Bukti Pembelian. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang Bukti Pembelian yang mengandungi maklumat yang tidak lengkap, atau yang dicetak semula, diduplikasi, sukar dibaca, tidak jelas, rosak, diubah, dimodifikasi, dipalsukan, atau sebaliknya tidak memenuhi syarat-syarat Peraduan ini, mengikut budi bicara mutlak Penganjur, tanpa sebarang notifikasi lanjut kepada Peserta.</p> <p>9. Penganjur berhak untuk meminta salinan cetak asal Bukti Pembelian seperti imej yang diterima dalam Penyertaan melalui WhatsApp untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak asal Bukti Pembelian atas permintaan akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pelucutan hak atas hadiah.</p> <p>10. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang penyertaan sekiranya Peserta tidak mematuhi Terma &amp; Syarat Peraduan.</p>
<p><b>Tarikh Akhir Penyertaan</b></p>	<p>Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum <b>23:59:59</b> pada <b>31 Mei 2026</b>. Sebarang Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik.</p> <p>Bagi penyerahan Penyertaan <b>Hadiah Mingguan</b>, Penganjur mesti menerima Penyertaan pada atau sebelum 23:59:59 pada tarikh terakhir bagi setiap tempoh Minggu Peraduan seperti yang dinyatakan di bawah:</p> <p><b><u>Jadual Minggu Peraduan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> <b>Minggu 1 : 01 April 2026 - 11 April 2026</b></li> <li><input type="checkbox"/> <b>Minggu 2 : 12 April 2026 - 18 April 2026</b></li> <li><input type="checkbox"/> <b>Minggu 3 : 19 April 2026 - 25 April 2026</b></li> <li><input type="checkbox"/> <b>Minggu 4 : 26 April 2026 - 02 Mei 2026</b></li> <li><input type="checkbox"/> <b>Minggu 5 : 03 Mei 2026 - 09 Mei 2026</b></li> <li><input type="checkbox"/> <b>Minggu 6 : 10 Mei 2026 - 16 Mei 2026</b></li> <li><input type="checkbox"/> <b>Minggu 7 : 17 Mei 2026 - 23 Mei 2026</b></li> <li><input type="checkbox"/> <b>Minggu 8 : 24 Mei 2026 - 31 Mei 2026</b></li> </ul>
<p><b>Hadiah</b></p>	<p><b><u>Hadiah Utama</u></b> 2 x Dana Pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Simpan SSPN Prime) bernilai RM25,000 setiap satu</p> <p><b><u>Hadiah Kedua</u></b> 3 x Dana Pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Simpan SSPN Prime) bernilai RM6,000 setiap satu</p> <p><b><u>Hadiah Mingguan</u></b> 2 x Dana Pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Simpan SSPN Prime) bernilai RM2,000 setiap satu (2 pemenang mingguan x 8 minggu: 16 pemenang)</p> <p>Setiap Peserta layak memenangi maksimum <b>satu (1) Hadiah</b> sahaja sepanjang Tempoh Peraduan, yang terdiri daripada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Satu (1) Hadiah Utama , <b>atau</b></li> <li>• Satu (1) Hadiah Kedua <b>atau</b></li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Satu (1) Hadiah Mingguan</li> </ul> <p><b>Pengumuman Pemenang</b> Senarai pemenang akan diumumkan di laman web rasmi Penganjur di <a href="https://www.fn.com.my/promotions-contests/">https://www.fn.com.my/promotions-contests/</a></p>
<p><b>Kaedah Pengadilan dan Pemilihan Pemenang</b></p>	<p><b><u>Penyertaan akan disahkan berdasarkan perkara berikut:</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Semua maklumat peribadi yang diperlukan untuk Peraduan (<b><u>Nama Penuh, Nombor MyKad/MyPR, dan nombor telefon mudah alih</u></b>) telah diberikan.</li> <li>2. Gambar tangkapan Bukti Pembelian yang jelas dan lengkap menunjukkan Butiran Resit atau Butiran Invois.</li> <li>3. Tiada perubahan dilakukan pada Bukti Pembelian atau diduplikasikan dalam apa-apa bentuk</li> <li>4. Resit bertulis tangan, pesanan pembelian dan nota penghantaran tidak akan diterima sebagai Bukti Pembelian.</li> </ol> <p><b>KAEDAH PEMILIHAN DAN PENYENARAIAH PENDEK PEMENANG:</b></p> <p><b>A. Hadiah Mingguan: 2 x Dana Pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Simpan SSPN Prime) bernilai RM2,000 setiap satu</b></p> <p>Terdapat dua (2) hadiah Dana Pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Simpan SSPN Prime) bernilai RM2,000 setiap satu untuk dimenangi setiap minggu selama lapan [8] minggu berturut-turut. Secara keseluruhan, terdapat enam belas [16] Hadiah Mingguan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.</p> <p>Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan dan penyenaiaan pendek pemenang Hadiah Mingguan, Penganjur akan memperuntukkan nombor siri untuk setiap Penyertaan Layak yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur sepanjang Tempoh Peraduan berdasarkan jumlah pembelian. Satu set nombor siri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor siri "1".</p> <p>Pemenang mingguan yang disenarai pendek akan ditentukan berdasarkan jumlah nombor siri yang diperuntukkan kepada Penyertaan Layak oleh Penganjur sepanjang setiap Minggu Peraduan. Contohnya, jika terdapat 3,278 nombor siri yang diperuntukkan kepada Penyertaan Layak Minggu Peraduan tersebut, jumlah nombor siri tersebut akan dibahagikan dengan 2 untuk menentukan nombor siri pemenang bagi Hadiah Mingguan. Ilustrasi pengiraan adalah seperti berikut:</p> $3278 \div 2 = \underline{1639^*}$ <p>Pemenang mingguan yang disenarai pendek adalah Penyertaan Layak dengan nombor siri ke-1639 dan nombor siri berikutnya yang merupakan gandaan 1639. Contoh nombor siri pemenang yang disenarai pendek: 1639* dan 3278*.</p> <p>Seramai <b>2 pemenang</b> akan dipilih untuk <b>SETIAP</b> Minggu Peraduan.</p> <p>Sekiranya nombor mempunyai nilai perpuluhan, nombor siri pemenang akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat terdekat.</p> <p><b>B. Hadiah Utama: 2 x Dana Pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Simpan SSPN Prime) bernilai RM25,000 setiap satu</b></p> <p>Terdapat dua [2] hadiah Dana Pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Simpan SSPN Prime) bernilai RM25,000 setiap satu untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.</p>

Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan dan penyenaian pendek pemenang Hadiah Utama, Penganjur akan memperuntukkan nombor siri untuk setiap Penyertaan Layak yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur sepanjang Tempoh Peraduan berdasarkan jumlah pembelian. Satu set nombor siri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor siri "1".

Nombor siri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan ditabulasikan dan dijumlahkan bagi mendapatkan jumlah nombor siri yang diperuntukkan kepada Penyertaan Layak sepanjang Tempoh Peraduan. Dengan andaian jumlah nombor siri yang diperuntukkan kepada Penyertaan Layak sepanjang Tempoh Peraduan adalah **15,288**, nombor ini akan dibahagikan dengan 2 untuk menentukan nombor siri pemenang bagi Hadiah Utama. Penganjur akan mengira dan memilih pemenang yang disenarai pendek berdasarkan contoh berikut:

$$15,288 \div 2 = \underline{7,644^*}$$

Pemenang Hadiah Utama yang disenarai pendek adalah Penyertaan Layak dengan nombor siri ke-7,644 dan nombor siri berikutnya yang merupakan gandaan 7,644. Contoh nombor siri pemenang yang disenarai pendek: 7,644 dan 15,288\*.

Seramai **2 pemenang** akan dipilih sepanjang Tempoh Peraduan.

Sekiranya nombor mempunyai nilai perpuluhan, nombor siri pemenang akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat terdekat.

**C. Hadiah Kedua: 3 x Dana Pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Simpan SSPN Prime) bernilai RM6,000 setiap satu**

Terdapat tiga [3] hadiah Dana Pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Simpan SSPN Prime) bernilai RM6,000 setiap satu untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.

Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan dan penyenaian pendek pemenang Hadiah Kedua, Penganjur akan memperuntukkan nombor siri untuk setiap Penyertaan Layak yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur sepanjang Tempoh Peraduan berdasarkan jumlah pembelian. Satu set nombor siri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor siri "1".

Nombor siri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan ditabulasikan dan dijumlahkan bagi mendapatkan jumlah nombor siri yang diperuntukkan kepada Penyertaan Layak sepanjang Tempoh Peraduan. Dengan andaian jumlah nombor siri yang diperuntukkan kepada Penyertaan Layak sepanjang Tempoh Peraduan adalah **15,288**, Penganjur akan menolak jumlah nombor siri yang diperuntukkan kepada Penyertaan Layak pemenang-pemenang Hadiah Utama dan membahagikan baki nombor tersebut dengan tiga (3) untuk menentukan nombor siri pemenang bagi Hadiah Kedua. Penganjur akan mengira dan memilih pemenang yang disenarai pendek berdasarkan contoh berikut

Dengan andaian bahawa terdapat sejumlah 4 nombor siri yang diperuntukkan kepada Penyertaan Layak pemenang-pemenang Hadiah Utama:

$$15,288 - 4* = 15,284 \div 3 = \underline{5094.6^*}$$

Pemenang Hadiah Kedua yang disenarai pendek adalah Penyertaan Layak dengan nombor siri ke-5,094 dan nombor siri berikutnya yang merupakan gandaan 5,094. Contoh nombor siri pemenang yang disenarai pendek: 5,094\*, 10,188\* dan

	<p>15,282*.</p> <p>Seramai <b>3 pemenang</b> akan dipilih sepanjang Tempoh Peraduan.</p> <p>Sekiranya nombor mempunyai nilai perpuluhan, nombor siri pemenang akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat terdekat.</p> <p><b><u>Pemenang-Pemenang Yang Disenarai Pendek</u></b></p> <p>Pemenang-pemenang yang disenarai pendek, yang dipilih berdasarkan kaedah pemilihan seperti yang diterangkan di atas, akan dimaklumkan atau dihubungi melalui WhatsApp dari nombor rasmi WhatsApp Peraduan <b>013-696 6511</b>, pada nombor telefon yang digunakan untuk menghantar Penyertaan Layak kepada Penganjur. Setiap pemenang yang disenarai pendek akan dikehendaki menjawab satu soalan peraduan.</p> <p>Pemenang-pemenang yang disenarai pendek mesti membalas dan memberikan jawapan yang betul melalui WhatsApp ke nombor rasmi WhatsApp Peraduan <b>013-696 6511</b> dalam tempoh masa yang ditetapkan bagi layak memenangi hadiah. Sekiranya gagal, kelayakan pemenang yang disenarai pendek tersebut akan dibatalkan dan pemenang pengganti akan dipilih berdasarkan nombor siri Penyertaan Layak yang mendahului Penyertaan yang dibatalkan. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang yang disenarai pendek tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab.</p>
<p><b>Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Semua Hadiah akan diproses untuk penyerahan kepada pemenang-pemenang dalam tempoh <b>enam (6) hingga lapan (8) minggu</b> selepas Peraduan berakhir pada <b>31 Mei 2026</b>.</li> <li>2. Hadiah mesti dituntut dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pengumuman atau tarikh notis tuntutan hadiah, yang mana lebih awal. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan pembatalan kelayakan dan kehilangan hak ke atas Hadiah.</li> <li>3. Penganjur berhak untuk melanjutkan mana-mana tempoh masa yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini atas sebab-sebab di luar kawalan Penganjur tanpa sebarang pampasan kepada pemenang.</li> <li>4. Pemenang akan dihubungi oleh Penganjur melalui WhatsApp dari Nombor Rasmi Peraduan <b>013-696 6511</b> untuk memaklumkan status kemenangan mereka. Panduan langkah demi langkah bagi proses pendaftaran akaun PTPTN juga akan disediakan untuk penebusan hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya mana-mana pemenang tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab.</li> <li>5. Pemenang hendaklah mengemukakan Nombor Akaun SSPN yang didaftar, nombor telefon berdaftar, nama pemegang akaun dan nama penerima dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh pemberitahuan kemenangan oleh Penganjur. Kegagalan untuk mengemukakan maklumat yang diperlukan dalam tempoh yang ditetapkan akan mengakibatkan hadiah tersebut dilucutkan.</li> <li>6. Pemenang mesti mematuhi terma dan syarat pihak-pihak yang mengaturkan dan/atau menyediakan hadiah. Dana Pendidikan PTPTN SSPN Prime tertakluk kepada Terma &amp; Syarat Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (<a href="https://www.ptptn.gov.my/simpan-sspn/simpan-sspn-prime/">https://www.ptptn.gov.my/simpan-sspn/simpan-sspn-prime/</a>).</li> <li>7. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan terhadap Hadiah semasa atau selepas penghantaran atau pengambilan hadiah.</li> </ol>

	<p>Sebarang kos tambahan lain (contohnya, kos perjalanan, kos pengangkutan, duti dan cukai) yang timbul daripada atau berkaitan dengan penebusan atau pengambilan hadiah hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang.</p> <p>8. Penganjur tidak memberikan sebarang waranti atau representasi berkaitan Hadiah dan tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap sebarang isu, kerugian, kelewatan, atau akibat yang timbul daripada pentadbiran, operasi, terma atau syarat, penebusan, atau penggunaan Hadiah.</p>
<p><b>Liabiliti, Tanggungjawab dan Hak Penganjur:</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Gambar hadiah yang ditunjukkan pada bahan komunikasi Peraduan adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Hadiah sebenar mungkin berbeza.</li> <li>2. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah yang mempunyai nilai yang sama, pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu mengikut budi bicara mutlakny.</li> <li>3. Pemenang mesti mengambil Hadiah atas dasar "sebagaimana adanya". Hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dikembalikan dan/atau tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit dan/atau barangan atau baucar lain sebahagian atau sepenuhnya. Penganjur tidak akan melayan sebarang aduan mengenai kualiti dan kuantiti hadiah selepas hadiah diserahkan atau dihantar kepada pemenang.</li> <li>4. Dengan menyertai Peraduan ini, semua Peserta bersetuju untuk bertanggungjawab penuh tanpa syarat setakat yang dibenarkan oleh undang-undang sekiranya berlaku sebarang kerugian, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan, atau kemalangan (termasuk kematian) yang dialami akibat penyertaan mereka dalam Peraduan ini, penebusan dan/atau penggunaan hadiah dan bersetuju untuk melepaskan dan memastikan Penganjur bebas dan terkecuali daripada sebarang liabiliti.</li> <li>5. Penganjur berhak untuk membatalkan, menamatkan dan/atau menghentikan sementara pelaksanaan Peraduan pada bila-bila masa, tanpa notis terlebih dahulu.</li> <li>6. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang penyertaan sekiranya Peserta tidak mematuhi Terma dan Syarat Peraduan.</li> <li>7. Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Tiada surat-menyurat atau rayuan akan dilayan.</li> <li>8. Penyertaan dalam Peraduan dan/atau penerimaan mana-mana hadiah memberikan kebenaran dan persetujuan yang tidak boleh ditarik balik daripada Peserta kepada Penganjur untuk menggunakan butiran peribadi dan gambar mereka bagi tujuan publisiti dan pengiklanan tanpa sebarang pampasan atau keperluan untuk notis terlebih dahulu kepada Peserta.</li> <li>9. Penganjur boleh, atas budi bicara mutlakny, meminda Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini dari semasa ke semasa, tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Penganjur berhak untuk mengubah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan, mekanisme Peraduan, hadiah dan/atau mana-mana bahagiannya tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, sebarang pengubahan, pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh Penganjur terhadap hadiah, Peraduan atau mana-mana bahagiannya tidak akan memberikan hak kepada</li> </ol>

	<p>Peserta untuk membuat sebarang tuntutan atau menuntut pampasan daripada Penganjur (sama ada secara tunai atau dalam bentuk lain) bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta, sama ada secara langsung atau tidak langsung, hasil daripada perubahan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.</p> <p>10. Penganjur mengecualikan tanggungjawabnya dan semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian kepada Hadiah disebabkan oleh sebarang keadaan lain yang tidak dijangka atau di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan kerajaan, kekecohan awam, rusuhan, peperangan, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan negara, berlakunya sebarang wabak / pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.</p>
<p><b>Notis di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010:</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Notis bertulis ini (“Notis”) bertujuan untuk memaklumkan bahawa data peribadi anda sedang diproses oleh atau bagi pihak F&amp;N Beverages Marketing Sdn Bhd (“F&amp;N” atau “kami”). Selanjutnya, dengan menghantar mana-mana Penyertaan Peraduan, anda dengan ini memberikan persetujuan terhadap pemprosesan data peribadi anda oleh F&amp;N mengikut cara yang dinyatakan dalam Notis ini. Kami akan memproses data peribadi anda yang telah anda berikan kepada kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon, alamat dan sebarang maklumat lain yang kami minta daripada anda untuk Penyertaan Peraduan. F&amp;N akan memproses data peribadi anda, termasuk sebarang maklumat tambahan yang mungkin anda berikan kemudian kepada F&amp;N, bagi tujuan melaksanakan Peraduan ini dan menghubungi anda (jika perlu).</li> <li>2. Data peribadi yang anda berikan kepada kami mungkin didedahkan kepada penyedia perkhidmatan kami hanya bagi tujuan yang dinyatakan di atas. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa data peribadi yang anda berikan adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan sentiasa dikemas kini. Anda boleh mengakses, meminta pembetulan data peribadi anda, mengehadakan pemprosesan data peribadi anda, dan/atau membuat sebarang pertanyaan atau aduan berkaitan data peribadi anda dengan menghantar emel kepada penyedia perkhidmatan kami di <a href="mailto:campaigndata@mypromotions.my">campaigndata@mypromotions.my</a> .</li> <li>3. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakseragaman antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Notis ini, maka, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan dan digunakan sebagai rujukan utama dalam semua perkara yang berkaitan Peraduan ini.</li> <li>4. Penganjur berhak untuk membatalkan Penyertaan anda sekiranya anda tidak bersetuju atau memberi persetujuan terhadap pengumpulan dan/atau pemprosesan data peribadi anda tanpa sebarang notis awal mengikut budi bicara mutlaknya.</li> <li>5. Untuk penerangan yang lebih terperinci tentang amalan privasi kami, sila rujuk kepada Dasar Privasi kami di <a href="https://www.fn.com.my/privacy-policy/">https://www.fn.com.my/privacy-policy/</a></li> </ol>
<p><b>Terma Tambahan</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan Terma &amp; Syarat Peraduan ini, dan menerima bahawa semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur adalah muktamad dan mengikat. Penganjur berhak untuk mengubah, meminda, menambah atau membatalkan mana-mana</li> </ol>

Terma & Syarat Peraduan pada bila-bila masa tanpa notis kepada Peserta dan Peserta bersetuju bahawa penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan ini akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat yang diubah.

2. Terma dan Syarat Peraduan disediakan dalam beberapa bahasa. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara semua versi yang tersedia, versi Bahasa Inggeris di laman sesawang: <https://www.fn.com.my/promotions-contests/> akan diutamakan.
3. Untuk pertanyaan lanjut mengenai Peraduan, sila layari laman sesawang kami di: <https://www.fn.com.my/promotions-contests/>